

SKIM PERANGSANG UNTUK PESILAT

Pesaka akan senaraikan calon

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan (Pesaka) akan menyenaraikan beberapa pesilat kebangsaan untuk dipertimbangkan menerima Skim Perangsang Majlis Sukan Negara sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA di Kuala Lumpur tahun depan.

"Nama-nama mereka akan dibentangkan dalam mesyuarat majlis tidak lama lagi untuk persetujuan," kata Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan semalam.

Menurut beliau, hanya pesilat terbaik sahaja akan disenaraikan.

Tiga pemenang pingat emas Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur tahun lalu, Wan Aminduddin Baki, Ahmad Wardi Salim dan Ahmad Fauzi Othman mungkin antara mereka yang akan dicalonkan.

Mereka kini sedang menjalani latihan persendirian di perguruan masing-masing sebagai persiapan menghadapi Kejohanan Kebangsaan, di Selangor Ogos ini.

17 MAR 1988